

**Pakatan ada momentum, tapi masa depan mungkin bukan Anwar, kata The Economist**  
**Malaysian Insider**  
**Mei 31, 2013**

KUALA LUMPUR, 31 Mei — Di kala pembangkang Pakatan Rakyat (PR) mempunyai momentum dari keputusan baik Pilihan Raya 2013, masa depan gabungan itu mungkin tidak bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim (gambar), kata The Economist dalam isu terkini hari ini.

Dinafikan ke Putrajaya kali ini, prospek untuk gabungan tiga parti untuk menang pada masa hadapan cerah kerana Datuk Seri Najib Razak juga berhadapan dengan halangan besar mengetengahkan “perdamaian kebangsaan” selepas pilihan raya 5 Mei selain reformasi ekonomi dan perang terhadap rasuah, menurut akhbar berpengaruh itu dalam keluaran 1 Jun mereka.

“Pakatan mempunyai momentum. Anwar bagaimanapun sudah 65,” kata The Economist dalam artikel bertajuk “Time on whose side?”

Masa depan bukan milik mereka; ia milik kita,” akhbar tersebut memetik Lim Guan Eng dari DAP sebagai berkata mengenai harapan PR, dan menambah mengikut pemerhatian mereka,” Tetapi ia tidak semestinya Anwar.”

PR, menang 51 peratus undi popular dengan 89 kerusi, lebih tujuh kerusi berbanding Pilihan Raya 2008 — daripada 222 ahli Dewan Rakyat melawan gabungan 13 parti Barisan Nasional (BN) yang mendapat 133 kerusi.

The Economist mengatakan Anwar kelihatan tergesa-gesa untuk mencapai ke puncak politik Malaysia, yang telah menghindarnya untuk sedekad setengah bermula dari ketika beliau timbalan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sehingga beliau dipecat dari kerajaan pada akhir 1990-an lalu atas tuduhan liwat — kemudiannya diubah — kepada tuduhan rasuah sehingga kini.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-ada-momentum-tapi-masa-depan-mungkin-bukan-anwar-kata-the-economist/>